

**Sokongan Kaum Wanita Kepada BN Terus Meningkat - Shahrizat
Bernama
6 Oktober, 2012**

ROMPIN, 6 Okt (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata sokongan kaum wanita terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Barisan Nasional (BN) terus meningkat dari semasa ke semasa.

Beliau berkata perkara itu terbukti apabila draf banciaan sikap ke atas kaum wanita di bandar dan luar bandar jelas menunjukkan peningkatan yang ketara.

"Terkini, kita dapati sokongan wanita di bandar dan luar bandar terhadap kepimpinan Perdana Menteri dan BN ada peningkatan namun kita tidak boleh leka, walaupun sokongan bertambah kita kena terus jaga dan bela nasib mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat Gerak Kerja Jalinan Rakyat dan pelancaran Program Salam Sayang Wanita Umno Rompin di sini, Sabtu.

Shahrizat berkata program kerajaan untuk membantu wanita seperti Skwad Sayang dan 1Azam turut menyumbang kepada peningkatan sokongan kaum itu kepada kepimpinan tertinggi negara.

Menurutnya, program pengupayaan wanita seperti 1Azam terbukti berjaya mengeluarkan wanita dan keluarga mereka daripada kepompong kemiskinan di mana pendapatan yang diraih keluarga yang dibantu itu adalah dua kali ganda pendapatan sebelum dia dibantu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700081>